



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **55 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,087 kes** (68.75 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 29 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **94 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,945 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,758 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 94 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **72 kes adalah kes import** melibatkan warganegara dan pelajar Malaysia yang pulang daripada Indonesia. Ini bermakna, kes penularan tempatan (*local transmission*) adalah **22 kes sahaja**.

Sehingga kini, seramai **40 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 18 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru,

jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **100** kes (1.68 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

MEMPERGIAT AKTIVITI-AKTIVITI SURVELAN DI DALAM KOMUNITI

KKM ingin memaklumkan bahawa sejak awal lagi tindakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti surveilan telahpun dijalankan di sektor awam dan swasta untuk mengenalpasti aktiviti penularan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat di Malaysia. Aktiviti-aktiviti surveilan ini merangkumi:

- Survelan klinikal iaitu *Influenza Like Illness* (ILI) dan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) di klinik-klinik dan hospital KKM;
- Saringan COVID-19 bagi anggota kesihatan;
- Persampelan sebelum pembedahan kecemasan di hospital KKM;
- Persampelan di makmal-makmal swasta.

Persampelan ILI telah dijalankan di lapan (8) buah lokasi Klinik Kesihatan KKM dari seluruh negara yang dikenali sebagai lokasi sentinel (*sentinel site*). Persampelan ini meliputi semua pesakit yang datang ke klinik-klinik kesihatan ini dengan gejala demam (suhu lebih daripada 38°C) dengan batuk dan sakit tekak, namun tanpa sebarang risiko terdedah kepada COVID-19 yang diketahui. Sebanyak lima (5) sampel akan diambil dari setiap lokasi sentinel tersebut dan dihantar ke makmal untuk ujian pengesanan COVID-19 bagi analisa surveilan ini.

Manakala, persampelan SARI pula adalah melibatkan ujian pengesanan COVID-19 untuk semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (*pneumonia*) dari semua hospital KKM di Malaysia.

Sehingga kini, sebanyak 34,113 sampel telah diambil daripada aktiviti-aktiviti surveilan. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 6,100 adalah sampel klinikal surveilan iaitu *ILI / SARI*, di mana 71 sampel disahkan positif COVID-19 (iaitu 1.16 peratus):

- Kes ILI: 8 kes positif COVID-19 daripada 1,322 sampel
- Kes SARI: 63 kes positif COVID-19 daripada 4,778 sampel

Bagi kes SARI terdapat penurunan kes positif COVID-19 yang ketara di antara minggu epidemiologi ke-17 (25 April 2020), di mana hanya sebanyak tiga (3) sampel disahkan positif daripada 2,168 sampel kes SARI yang telah diambil (iaitu 0.14 peratus) berbanding dengan minggu epidemiologi ke-12 (28 Mac 2020), di mana 33 sampel disahkan positif daripada 263 jumlah sampel kes SARI (iaitu 11.15 peratus).

KKM juga memantau keputusan ujian COVID-19 yang dijalankan di sektor swasta, di mana ujian ini dihantar ke makmal swasta. Didapati terdapat 84 kes positif dikesan daripada 22,081 ujian yang dijalankan di makmal-makmal swasta ini (iaitu 0.38 peratus).

Aktiviti surveilan ini sememangnya bertindak sebagai sistem pengesanan awal (*early detection*) dan sistem amaran awal (*early warning*) bagi penularan COVID-19 di Malaysia. Pihak KKM akan terus menjalankan aktiviti surveilan COVID-19 di Malaysia walaupun selepas PKP ditamatkan, di mana aktiviti ini akan terus dimantapkan lagi termasuk di sektor swasta dan melibatkan pelbagai zon.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Rakyat Malaysia dinasihatkan agar terus mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun serta mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 April 2020 @ 4.30 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 29 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU * | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|
| PERLIS | 0 | 18 |
| KEDAH | 0 | 95 |
| PULAU PINANG | 0 | 121 |
| PERAK | 0 | 253 |
| SELANGOR | 1 | 1,404 |
| NEGERI SEMBILAN | 72 (72) | 508 |
| MELAKA | 0 | 193 |
| JOHOR | 0 | 660 |
| PAHANG | 5 | 293 |
| TERENGGANU | 0 | 110 |
| KELANTAN | 0 | 155 |
| SABAH | 2 | 315 |
| SARAWAK | 6 | 502 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 8 | 1,222 |
| W.P. PUTRAJAYA | 0 | 80 |
| W.P. LABUAN | 0 | 16 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 94 (72) | 5,945 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import